

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Kursus Semasa Cuti Panjang Sidang 1994/95

Jun 1995

AKU402 - PERCUKAIAN

Masa: [3 Jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

En. Shafie telah berkahwin dengan dua orang isteri. Isteri pertama dan En. Shafie bermastautin di Malaysia bagi Tahun Taksiran 1995 sedangkan isteri kedua tidak tetapi berwarganegara Malaysia. Pendapatan mereka bagi Tahun Taksiran 1995 ialah:

| | <u>Diri</u> | <u>Isteri I</u> | <u>Isteri II</u> |
|-----------------------------------|-------------|-----------------|------------------|
| 1. <u>Perniagaan perseorangan</u> | | | |
| Pendapatan dilaraskan | | | |
| (bersih) | 20,000 | (4,000) | - |
| Caj Imbangan | 8,000 | 3,000 | - |
| Elaun modal (T/T 95) | 3,000 | 1,000 | - |
| 2. <u>Perkongsian</u> | | | |
| Pendapatan dilaraskan | | | |
| (kerugian) | (8,000) | 4,000 | 3,000 |
| Caj Imbangan | 4,000 | - | 1,000 |
| Elaun modal (T/T 95) | 2,000 | 1,600 | 1,200 |
| 3. <u>Pengajian</u> | 18,000 | 12,000 | - |
| 4. <u>Sewa</u> (Malaysia, bersih) | 12,000 | 6,000 | 8,400 |
| <u>Sewa</u> (Bukan Malaysia) | 15,000 | 2,000 | 3,000 |
| | (kirim) | (tidak kirim) | (kirim) |
| 5. Dividen (Bersih) | 5,600 | 4,900 | 4,200 |
| Baki dibawa dari T/T 1994: | | | |
| Kerugian perniagaan | (4,000) | (7,000) | (2,000) |
| Derma diluluskan | 1,000 | - | 800 |

...2/-

Maklumat tambahan:

- Anak I : Berlahir 2.6.1973 dan mengaji di Universiti Australia. En. Shafie membelanjakan RM 4000 untuk menanggung pendidikannya pada 1994. Anak ini berkahwin pada 11.12.1994.
- Anak II : Berlahir pada 9.10.1975, belajar di Universiti Ottawa di Kanada dibawah Biasiswa Colombo Plan. En. Shafie membayar RM 3500 untuk menampung kehidupannya di Kanada.
- Anak III : Berlahir pada 12.3.1977, belajar di USM Pulau Pinang. En. Shafie belanja RM 3000 pada 1994.
- Anak IV : Berlahir pada 10.5.1979, belajar di sekolah berasrama di England dan belanja yang dikenakan oleh En. Shafie ialah RM 3000 pada 1994.
- Anak V : Berlahir 16.4.1980, diakui cacat dan dijaga oleh saudara. En. Shafie membayar Rm 200 sebulan.

Derma diluluskan: En. Shafie: RM 5000
Isteri I : -
Isteri II : RM 1000

Zakat dibayar 1994: Diri : RM 2000
Isteri I : RM 1000
Isteri II : RM 1000

Polisi Insuran

| | <u>Premium</u> | <u>Amaun Insuran</u> |
|--|----------------|----------------------|
| Insuran nyawa bersama (diri dan isteri II) | RM 5000 | RM 60,000 |
| Insuran nyawa (isteri I) | RM 4,500 | RM 50,000 |
| Insuran nyawa anak ke V | RM 900 | RM 15,000 |
| Insuran kemalangan (diri) | RM 600 | RM 15,000 |

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Diri
Isteri I
Isteri II

Diluluskan

RM 2000
RM 2000
RM 2000

Tidak diluluskan

RM 2000
RM 1500
RM 800

Dikehendaki:

Kira cukai pendapatan untuk Tahun Taksiran 1995 yang kena dibayar oleh:

- (i) En. Shafie
(ii) Isteri I
(iii) Isteri II

[20 markah]

...3/-

Soalan 2

Encik Brown datang ke Malaysia pada 1.2.1989 sebagai seorang pelancong. Dia berkahwin dengan Cik Mary Tan (seorang warganegara dan bermastautin di Malaysia) pada 1.3.1989. Selepas berkahwin Encik Brown mengambil keputusan menetap di Malaysia. Bagaimanapun cuaca di Malaysia tidak sesuai untuknya dan ia meninggalkan Malaysia pada 1.5.1990. Selepas tarikh tersebut Encik Brown datang ke Malaysia untuk tempoh-tempoh seperti berikut:

| | | | |
|------------|--------|------------|-----------|
| 04.06.1991 | hingga | 28.06.1991 | (25 hari) |
| 12.11.1992 | hingga | 27.11.1992 | (16 hari) |
| 01.05.1993 | hingga | 15.05.1993 | (15 hari) |

Mulai pada 1.2.1994 Encik Brown mula bekerja di sebuah bank di Malaysia sebagai perunding. Isterinya telah bekerja di Pulau Pinang semenjak 1.7.1989. Pendapatan mereka adalah seperti berikut:

a) Encik Brown untuk tahun berakhir 31.12.1994.

| | |
|---|------------------|
| Pendapatan pengajian (United Kingdom) dari 1.1.1994 hingga 30.1.1994 (tidak diremit ke Malaysia) | RM 10,800 |
| Pendapatan pengajian (Malaysia) dari 1.2.1994 hingga 31.12.1994 | RM 66,000 |
| Bonus (Malaysia) untuk tahun berakhir 30.9.1994 dibayar pada 28.11.1994 | RM 12,000 |
| Elaun perjalanan | RM 300 sebulan |
| Nilai tempat kediaman diperuntukkan oleh majikan dari 1.7.1994 (Encik Brown membayar RM 400 sebulan kepada majikannya). | RM 2,000 sebulan |
| Nilai perabut diberi (dari 1.7.1994) | RM 200 sebulan |
| Pendapatan sewa tahunan (bersih) dari United Kingdom (diremit ke Malaysia) | RM 60,000 |
| Dividen kasar (Malaysia) | RM 7,000 |
| Manfaat perubatan (bayar oleh majikan kepada Specialist Centre) | RM 3,000 |
| Derma kepada institusi yang diluluskan | RM 10,000 |

...4/-

(b) Maklumat tambahan:

- (i) Belanja perjalanan yang dibayar oleh En Brown kerana urusan majikannya telah melebihi elaun perjalanan yang diberikan. Bagi tahun 1994 amaun yang lebih dibelanjakan oleh En. Brown ialah RM 2500.
- (ii) En. Brown dibekalkan sebuah kereta dan belanja berkaitan ditanggung oleh majikan. Adalah dipersetujui bahawa $\frac{2}{3}$ kegunaan kereta tersebut adalah untuk urusan majikan dan belanja kereta bagi 1994 ialah RM 6000, bagi driver kereta tersebut yang dibayar oleh majikan ialah RM 6600 dalam 1994.
- (iii) En. Brown melancong ke Thailand bersama isterinya selama 3 bulan pada awal 1995. Semasa di Thailand, En. Brown menjalankan suatu projek penilaian untuk sebuah syarikat perkilangan di Bangkok dan mendapat ganjaran berikut:

1.1.1995 hingga 31.3.1995

| | |
|----------|-------------------------------------|
| Gaji | RM 12,000 tidak diremit ke Malaysia |
| Gratuiti | RM 15,000 tidak diremit ke Malaysia |

(c) Isteri : Untuk tahun berakhir 31.12.1994:

| | | |
|----------|---|---|
| Faedah | : | (Bank di London) RM 2,000 (diremit ke Malaysia) |
| Gaji | : | RM 24,000 |
| Pampasan | : | RM 32,000 |
| Gratuiti | : | RM 11,000 |

Kerugian perniagaan perkongsian RM 3,000 [S44(2)]

Kerugian perniagaan dibawa ke depan dari tahun lalu: RM 2,500

Isteri En. Brown diberhentikan pekerjaannya pada 31.12.1994 kerana perniagaan majikan telah tamat. Gratuiti yang dibayar adalah untuk perkhidmatannya yang bagus selama ini.

Dikehendaki:

- (i) Menentukan kedudukan permastautinan En. Brown untuk tempoh-tempoh beliau ada di Malaysia.
- (ii) Kira jumlah pendapatan untuk Tahun Taksiran 1995 bagi
- (a) En. Brown
- (b) Isterinya

[20 markah]

Soalan 3

Perkongsian Ahmad, Bala dan Chong mengagihkan untung dan ruginya mengikut nisbah 4:4:2. Faedah keatas modal yang disumbangkan oleh rakan kongsi ditetapkan pada kadar 6% setahun pada awal setiap tahun. Akaun untung dan rugi tahun berakhir 31.12.1994 adalah seperti berikut:

**Perkongsian Ahmad, Baba dan Chong
Akaun Untung dan Rugi
bagi tahun berakhir 31.12.1994**

| | |
|--|-----------------------------|
| Belanja perniagaan RM 85,000 (Nota) | Untung kasar b/b RM 196,600 |
| Faedah ke atas modal | |
| Ahmad 1,200 | |
| Bala 900 | |
| Chong 1,500 | |
| Gaji rakan kongsi | |
| Ahmad 24,000 | |
| Bala 18,000 | |
| Chong 12,000 | |
| Untung bersih 54,000 | |
| 196,600 | 196,600 |
| | |

Nota : Belanja perniagaan termasuk:

- (i) Susutnilai RM 5,000
 - Ke atas peralatan dengan modal perbelanjaan yang diluluskan RM 10,000. Peralatan ini dibeli pada tahun 1994 dan kadar elaun modal 20% setahun.
 - Sebuah mesin dengan kos RM 2000 telah diperolehi pada 1.3.1994 dan dijual pada 3.8.1994 pada kos. Tiada susutnilai dicajkan.
- (ii) Denda untuk menjelaskan cukai pendapatan lambat RM 1,900.
- (iii) Belanja kenduri perpisahan untuk anak Ahmad yang melanjutkan pelajaran ke U.S.A. RM 1,000.
- (iv) Derma yang diluluskan RM 1,800.
- (v) Belanja ubahsuai permise RM 5,000.

Dikehendaki:

Kira jumlah pendapatan En. Ahmad bagi Tahun Taksiran 1995.

[15 markah]

...6/-

- 6 -

Soalan 4

Encik Wahab menjalankan perniagaan runcitnya dengan nama "Pembekal Runcit Wahab". Berikut adalah akaun perdagangan dan Untung Rugi untuk Pembekal Runcit Wahab bagi tahun berakhir 31.12.1994:

| | | | |
|--------------------------------|---------|------------------|---------|
| Stok awal | 16,500 | Jualan | 204,500 |
| Belian | 125,000 | Stok akhir | 17,400 |
| Untung kasar h/b | 80,400 | | |
| | ----- | | ----- |
| | 221,900 | | 221,900 |
| | ----- | | ----- |
| Gaji & Upah | 19,000 | Untung kasar b/b | 80,400 |
| Elektrik & Air | 720 | | |
| Sewa | 8,400 | Dividen | 2,800 |
| Faedah | 680 | Sewa | 9,600 |
| Belanja kenderaan | 3,500 | | |
| Kos kereta baru | 37,000 | | |
| Kerugian jualan kereta lama | 1,250 | | |
| Kerugian jualan pelaburan | 1,000 | | |
| Pembankan | 3,200 | | |
| Bayaran guaman | 1,850 | | |
| Sumbangan KWSP | 500 | | |
| Hutang lapuk | 1,650 | | |
| Derma dan sumbangan | 400 | | |
| Belanja perubatan | 150 | | |
| Insuran | 2,400 | | |
| Cukai pintu & cukai tanah | 450 | | |
| Susutnilai | 6,200 | | |
| Untung bersih | 4,450 | | |
| | ----- | | ----- |
| | 92,800 | | 92,800 |
| | ----- | | ----- |

Nota tambahan:

En. Wahab menjalankan perniagaannya di sebuah premis yang di sewa daripada Silang Bhd. En. Wahab dan keluarganya tinggal di tingkat atas premis tersebut. Tingkat bawah adalah digunakan untuk perniagaan.

1. Belian: Ini termasuk kertas bungkusan untuk barang yang dijual. Amaun kertas bungkusan yang telah dimasukkan dalam stok awal dan stok akhir bernilai RM 1200 dan RM 1500 masing-masing.
2. Jualan: Tiada pelarasan dibuat keatas jualan (atau pun belian) mengenai barangan yang diambil dari perniagaan untuk kegunaan keluarga En. Wahab. Jumlah kos barang yang digunakan ialah RM660, tetapi harga pasarannya ialah RM 880.
3. Dividen: Amaun ini adalah amaun kasar yang diterima daripada "Tradewind Bhd", sebuah syarikat bermastautin di Malaysia untuk tahun berakhir 31.12.1994.

...7/-

4. Gaji dan upah:

Ini termasuk:-

| | |
|------------------------------------|-----------|
| Gaji yang dibayar kepada En. Wahab | RM 5000 |
| Gaji yang dibayar kepada pekerja | RM 14,000 |

5. Elektrik dan air RM 720:

Amaun ini adalah untuk keseluruhan premis.

6. Sewa RM 8400:

Amaun ini adalah untuk keseluruhan premis yang disewa.

7. Faedah:

RM 200 telah dibayar kepada kawan En. Wahab yang telah mendahului RM 4000 untuk pembelian saham "Tradewind Bhd". RM 480 telah dibayar kepada bank untuk overdraf yang digunakan dalam perniagaan "Pembekal Runcit Wahab".

8. Belanja kenderaan RM 3500:

En. Wahab memiliki kenderaan berikut:-

Motokar PBG 3130 (yang dibeli pada 1991 pada kos RM 28,000). Motokar ini telah dijual pada 1994 dengan harga RM 19,300 dan kereta baru PCM 6182 telah dibeli pada 1994 dengan harga RM 37,000. RM 2100 dari jumlah belanja kenderaan bagi 1994 adalah berkaitan dengan kereta PBG 3130 dan PCM 6182. Kereta-kereta ini adalah digunakan $\frac{1}{3}$ untuk tujuan persendirian. Baki belanja kenderaan (RM 1400) adalah berkaitan dengan Van PAV 1050 (beli pada 1990 dengan harga RM 40,000).

9. Kos kereta baru: (lihat nota 8)10. Kerugian jualan motokar (lihat nota 8)11. Kerugian jualan pelaburan:

Kerugian ini adalah berpunca dari jualan saham dalam "Rugi Bhd." Saham ini dibeli pada 1994 dengan harga RM 2000. Tiada dividen diterima dari pelaburan ini.

12. Pembaikan RM 3200:

Jumlah amaun ini telah dibelanjakan keatas sebuah harta baru yang dibeli dengan harga RM 150,000 pada 1.9.1994. Hasil sewa yang dikreditkan dalam akaun Untung Rugi adalah dari sumber ini.

13. Bayaran Guaman RM 1850:

Antaranya ialah:-

RM 400 dibayar kepada seorang pendakwa untuk mengeluarkan notis saman kepada penghutang perniagaan yang tidak menjelaskan hutangnya. RM 1450 adalah berkaitan dengan perjanjian jualan dan pembelian untuk harta baru. (Lihat nota 12)

14. Sumbangan KWSP RM 500:

RM 100 adalah berkaitan dengan gaji En. Wahab dan bakinya adalah berkaitan dengan gaji kakitangan.

15. Hutang lapuk:

Akaun subsidiari berkenaan adalah seperti berikut:-

Akaun Hutang Lapuk/Rugi

| | | | |
|----------------|--------|--------------------|--------|
| Hutang Lapuk | 3,600 | Baki b/b | |
| dihapuskan | | Resab Am | 6,000 |
| Baki h/b | | Resab Tertentu | 3,500 |
| Resab Am | 5,000 | Pempulihan (niaga) | 1,500 |
| Resab tertentu | 4,050 | U/K U/R | 1,650 |
| | ----- | | ----- |
| | 12,650 | | 12,650 |
| | ----- | | ----- |

RM 2000 dari hutang lapuk yang dihapuskan adalah berkaitan dengan suatu pinjaman yang diberi kepada seorang kawan yang telah meninggal Malaysia.

16. Derma dan Sumbangan RM 400:

RM 150 adalah derma kepada sebuah institusi yang diluluskan dibawah 544(b) A.C.P. 1967. RM 250 adalah yuran kepada "Persatuan Pembekal Runcit" dimana En. Wahab adalah seorang ahlinya.

17. Belanja perubatan RM 150:

| | | |
|-----|--------------------------------------|--------|
| (a) | Belanja perubatan pekerja | RM 90 |
| (b) | Belanja perubatan keluarga En. Wahab | RM 60 |
| | | ----- |
| | | RM 150 |
| | | ----- |

18. Insuran RM 2400:

| | | | |
|-----|---|--------|----------|
| (a) | Premium keatas polisi insuran nyawa En. Wahab | RM 600 | |
| (b) | Insuran kenderaan: | | |
| | PBG 3130 | RM 580 | |
| | PCM 6182 | RM 620 | |
| | PAV 1050 | RM 600 | RM 1,800 |
| | | ----- | ----- |
| | | | RM 2,400 |
| | | | ----- |

19. Cukai pintu dan cukai tanah RM 450:

Dibayar untuk harta yang diperolehi oleh En. Wahab (lihat nota 12)

20. Susutnilai RM 6200: meliputi:-

| | | |
|-----|-----------------|---------|
| (a) | Kereta PCM 6182 | RM 2200 |
| (b) | Van PAV 1050 | RM 4000 |

Dikehendaki:

Kira Pendapatan Berkanun dari Perniagaan bagi En. Wahab untuk tahun taksiran 1995.

[25 markah]

- 10 -

Soalan 5

Salleh Bhd memiliki hartanah berikut yang telah dijual pada 1995:

| | Rumah <u>di Pulau Pinang.</u> | Rumah <u>Di K.L</u> | Rumah <u>Di London</u> |
|---|----------------------------------|------------------------------|-------------------------------|
| Tarikh Perolehan | 30.6.1969 | 5.8.1992 | 8.10.1989 |
| Harga Belian | RM 60,000 | RM 150,000 | RM 400,000 |
| Komisyen perolehan | RM 1,200 | RM 3,000 | RM 8,000 |
| Nilai pada 31.12.1969 | RM 70,000 | RM 50,000 | RM 200,000 |
| Pampasan insuran diterima | RM 5,000 (pada 1981) | RM 15,000 (pada 1994) | - |
| Pembelanjaan mempertahankan hak milik tanah | RM 1,200 (pada 1974) | RM 2,000 (pada 1993) | RM 5,000 (pada 1992) |
| Harga jualan | RM400,000 (pada 3.2.1995) | RM340,000 (pada 6.4.1995) | RM 480,000 (pada 9.3.1995) |
| Kos sampingan pelupusan | RM 10,000 | RM 7,500 | RM 10,000 |

Dikehendaki:

- (a) Kira cukai keuntungan Jualan Hartanah yang kena dibayar oleh Salleh Bhd.
- (b) Beri 4 pengecualian terhadap cukai keuntungan Jualan Hartanah.

[20 markah]

- oooOOOooo -